

Universiti Sains Malaysia
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan

MIKROEKONOMI – SEW101
(Semester I, 2016/2017)
Peperiksaan Pertengahan Semester

BAHAGIAN A (25%)

No.	Jawapan
1	A
2	E
3	A
4	B
5	B
6	A
7	C
8	E

No.	Jawapan
9	B
10	B
11	D
12	D
13	C
14	C
15	B
16	D

No.	Jawapan
17	B
18	E
19	C
20	C
21	E
22	B
23	D
24	A

SOALAN 2

Sebagai seorang konsultan, anda disuruh membuat kajian terhadap sebuah firma pembuat papan yang mempunyai fungsi pengeluaran yang berbentuk:

mks.
74

$$Q = f(C, L) = 20C + 80L - 0.5C^2 - 0.5L^2$$

di mana: Q = output papan; C = input buruh; dan L = input bahan mentah. Dari data yang dikutip, harga input buruh adalah RM50 seunit, harga input bahan mentah adalah RM20 seunit manakala kos tetap adalah sifar. Tambahan lagi, firma tersebut mempunyai modal bulanan sebanyak RM2020, dan harga seunit output papan di pasaran adalah RM10.

(a) Dapatkan nilai-nilai C^* dan L^* yang memaksimumkan output firma tersebut. (6 markah)

$$MRTS_{CL} = \frac{MP_C}{MP_L}$$

$$MP_C = \frac{\partial Q}{\partial C} = 20 - C$$

$$MP_L = \frac{\partial Q}{\partial L} = 80 - L$$

$$MRTS_{CL} = \frac{20 - C}{80 - L}$$

$$\text{Bila } MRTS_{CL} = \frac{P_C}{P_L},$$

$$\frac{20 - C}{80 - L} = \frac{50}{20}$$

Darab silang dan selesaikan untuk L ,

$$20(20 - C) = 50(80 - L)$$

$$400 - 20C = 4000 - 50L$$

$$50L = 4000 - 400 + 20C$$

$$L = \frac{3600 + 20C}{50}$$

$$L = 72 + 0.4C \quad (a)$$

Dari $C = P_C C + P_L L$,

$$2020 = (50)(C) + (20)(L) \quad (b)$$

Gantikan (a) dalam (b)

$$2020 = (50)(C) + (20)(72 + 0.4C)$$

$$2020 = 50C + 1440 + 8C$$

$$2020 = 58C + 1440$$

$$58C = 2020 - 1440$$

$$C = \frac{580}{58}$$

$$C^* = \underline{\underline{10 \text{ unit}}}$$

Bila $C^* = 10$,

$$L = 72 + 0.4(10)$$

$$L = 72 + 4$$

$$L = \underline{\underline{76 \text{ unit}}}$$

(b) Tentukan nilai output maksimum yang boleh dicapai oleh firma ini.

(2 markah)

$$\text{Bila } C^* = 10 \text{ \& } L^* = 76,$$

$$Q = 20(10) + 80(76) - 0.5(10^2) - 0.5(76^2)$$

$$Q^* = \underline{\underline{3342 \text{ unit}}}$$

SOALAN 3

Utiliti yang Ajit Singh nikmati dari penggunaan barangan makanan (F) dan pakaian (C) diberi oleh fungsi utiliti yang berbentuk:

$$U(F,C) = F \cdot C$$

Andaikan bahawa makanan (F) berharga RM1.00 setiap unit, pakaian (C) berharga RM3.00 setiap unit, dan Ajit Singh mempunyai RM12.00 untuk dibelanjakan ke atas kedua-dua barangan tersebut.


- a. Dapatkan kombinasi barangan F dan C yang membolehkan Ajit Singh menikmati paras utiliti sebanyak 12 util dan 24 util. [*Petunjuk : Contoh diberi dibawah*]

Util = 12	
F	C
1	12
2	6
3	4
4	3
6	2
12	1

Util = 24	
F	C
2	12
3	8
4	6
6	4
8	3
12	2

(4 markah)

- b. Dari maklumat di atas, lakarkan: (i) keluk-keluk puas sama Ajit Singh yang menggambarkan Util = 12 dan Util = 24 masing-masing, dan (ii) garisan belanjawan yang diha dapi oleh Ajit Singh. Pastikan anda melabelkan lakaran anda dengan lengkap. (4 markah)




SOALAN 4

mks
25

Lakarkan beberapa keluk puas sama yang menunjukkan pilihan kenyataan pengguna berikut. Pastikan anda melabelkan paksi-paksi dan arah peningkatan utiliti dengan lengkap.

- a. "Saya tidak dapat membezakan burger yang dibeli dari McDonald's dan Burger King kerana kedua-duanya mempunyai kelazatan yang agak sama". (2 markah)




mks
25


b. "Saya suka makan mentega kacang (*peanut butter*). Akan tetapi, saya amat benci makan keju kerana ianya mempunyai sejenis bau yang sangat busuk". (2 markah)

Mentega Kacang

(Biasa)





Keju (Benci)



mks
25

- b. "Saya suka makan mentega kacang (*peanut butter*). Akan tetapi, saya amat benci makan keju kerana ianya mempunyai sejenis bau yang sangat busuk". (2 markah)

Keju (Benci)



Mentega Kacang (Biasa)

1. Jika 11 orang buruh boleh mengeluarkan output sebanyak 54 unit dan seorang lagi buruh mempunyai keluaran marginal sebanyak 6 unit, maka keluaran purata 12 orang pekerja adalah _____ unit.

- a. 5 b. 48 c. 54 d. 60 e. 72

mks
45


Buruh (L)	Output (Q)	Keluaran Marginal (MP)	Keluaran Purata (AP)
11	54		
12	(60)	6	$60/12 = 5$

2. Andaikan bahawa terdapat pengurangan harga pada barangan yang berada pada paksi menegak. Ini menyebabkan garisan belanjawan _____.

- a. kekal dan tidak berubah
- b. memutar keluar pada paksi mendatar
- c. memutar masuk pada paksi mendatar
- d. memutar keluar pada paksi menegak
- e. memutar masuk pada paksi menegak

mks
32


$\bar{M}; \bar{P}_X; P_Y \downarrow$



3. Sebuah artikel yang diterbitkan oleh Arnold Weinstein dalam *Journal of Political Economy* pada tahun 1968 telah membuktikan bahawa fikiran kanak-kanak belum lagi matang, dan justeru, pilihan mereka boleh bertukar dari masa ke semasa. Ini membuktikan bahawa _____.

- a. Pilihan kanak-kanak melanggar aksiom ketransitivitian.
- b. Pilihan kanak-kanak melanggar aksiom ketidakpuasan.
- c. Pilihan kanak-kanak melanggar hukum permintaan.
- d. Pilihan kanak-kanak melanggar hukum kadar penggantian marginal berkurangan
- e. Pilihan kanak-kanak melanggar hukum utiliti marginal berkurangan.

mks
10



3. Aksiom Ketransitivitian

- Pengguna Membuat Keputusan Dengan Konsisten


Jika ada 3 longgok barangan (A, B, & C) dan pengguna mengatakan bahawa:



ini bermakna beliau mesti mengatakan



Aksiom ini membolehkan pengguna menyusun atur semua longgok barangan mengikut keutamaan.




4. Sesuatu titik yang berada di bawah keluk belanjawan menunjukkan _____.

- a. pilihan pengguna tidak mampu dicapai.
- b. pengguna tidak menghabiskan pendapatannya
- c. kombinasi minimum barangan yang pengguna boleh beli.
- d. bahawa salah satu dari barangan adalah barangan yang dibenci.

mks
33

d. Keseimbangan Pengguna



Pada titik C:

Kecerunan garis belanjawan $\Rightarrow -\left(\frac{P_x}{P_y}\right)$

Kecerunan keluk puas sama $\Rightarrow -MRS_{XY}$

$$\therefore MRS_{XY} = \left(\frac{P_x}{P_y}\right)$$


\Rightarrow Pengguna memaksimumkan utiliti tertakluk kepada paras pendapatannya

5. Seorang pengeluar perabot mendapati bahawa perusahaannya mempunyai kadar penggantian marginal teknikal buruh untuk kapital ($MRTS_{LK}$) yang lebih besar dari nisbah harga input buruh dengan kapital (w/r); di mana L = buruh, K = kapital; w = harga input buruh; dan, r = harga input kapital. Apakah yang patut dibuat supaya perusahaan beliau memaksimumkan outputnya?
- Menambahkan penggunaan input kapital dan mengurangkan penggunaan input buruh.
 - Menambahkan penggunaan input buruh dan mengurangkan penggunaan input kapital.
 - Menambahkan penggunaan kedua-dua input buruh dan kapital.
 - Menambahkan penggunaan input kapital sahaja.
 - Menambahkan penggunaan input buruh sahaja.

mks 33

$$MRTS_{LK} \stackrel{?}{=} \frac{w}{r}$$

$$MRTS_{LK} > \frac{w}{r}$$



6. Jika dua barangan adalah pengganti sempurna, maka kenaikan harga salah satu dari barangan tersebut akan menyebabkan _____.

- a. peningkatan dalam pembelian kuantiti barangan yang lain
- b. pengurangan dalam pembelian kuantiti barangan yang lain
- c. peningkatan dalam harga barangan yang lain
- d. pengurangan dalam harga barangan yang lain
- e. kedua-dua barangan dianggap sebagai barangan normal

mks
62

h. Bentuk-bentuk Isokuan

2. Kadar penggantian marginal teknikal input **malar**
(Input Pengganti **Sempurna**)

Contoh: Baja Nitrogen seperti Urea dan Ammonium Nitrat (Petani boleh menggantikan satu dengan yang lain tanpa menjejaskan output; malah petani biasanya akan menggunakan **satu jenis sahaja** - dan bukan kombinasi antara kedua-duanya).



X_1 & X_2 adalah input-input pengganti

$$\underline{MRTS^A = MRTS^B = MRTS^C}$$
$$\underline{MRTS^D = MRTS^E}$$


Rajah 8: Isokuan Kadar Penggantian Marginal Teknikal Input Malar

7. Katakan pada asalnya, harga X adalah RM5, harga Y adalah RM10, dan pendapatan pengguna adalah RM100. Jika Y berada pada paksi menegak dan X di paksi mendatar, dan jika harga Y bertambah ke RM20, _____.

- a. seluruh keluk belanjawan akan bergerak masuk ke arah pusat kordinat, dan kecerunannya berubah dari $\frac{1}{2}$ ke $\frac{1}{4}$
- b. keluk belanjawan akan bergerak masuk ke arah pusat kordinat di atas paksi X sahaja, dan kecerunannya berubah dari $\frac{1}{2}$ ke $\frac{1}{4}$
- c.** keluk belanjawan akan bergerak masuk ke arah pusat kordinat di atas paksi Y sahaja, dan kecerunannya berubah dari $\frac{1}{2}$ ke $\frac{1}{4}$
- d. keluk belanjawan akan bergerak masuk ke arah pusat kordinat di atas paksi Y sahaja, dan kecerunannya berubah dari $\frac{1}{4}$ ke $\frac{1}{2}$


mks
32

M=100	
$P_Y=10$	$\uparrow P_Y=20$
$Y = \frac{M}{P_Y}$	$Y = \frac{M}{P_Y}$
$Y = \frac{100}{10}$	$Y = \frac{100}{20}$
$X = 10$	$X = 5$



M=100	$X = \frac{M}{P_x}$
$P_x=5$	$X = \frac{100}{5}$
	$X = 20$

8. Berikut adalah sebuah gambarajah keluk Engel untuk ais krim kayu yang telah diubahsuaikan. Menurut gambarajah ini, ais krim kayu adalah _____.



mks
40

- a. barangan normal
- b. barangan inferior
- c. barangan mesti
- d. barangan inferior pada paras pendapatan rendah dan barangan normal pada paras pendapatan tinggi
- e. barangan normal pada paras pendapatan rendah dan barangan inferior pada paras pendapatan tinggi


9. Berikut adalah pilihan Ekin terhadap tiga longgok barangan:

Longgok	Barangan X	Barangan Y
A	1	4
B	4	1
C	3	2

Jika longgok A dan longgok B berada pada keluk puas sama yang sama, pilihan Ekin memenuhi aksiom pengguna, dan keluk puas sama mempunyai kadar penggantian marginal yang malar, maka _____.

- Longgok A > Longgok C
- Longgok A I Longgok C
- Longgok C > Longgok A
- Longgok B > Longgok C
- Maklumat yang sedia ada tidak mencukupi untuk membuat kesimpulan bagaimana Ekin akan memilih di antara longgok A, B, dan C.

Ketiga-tiga titik A, B, dan C berada pada keluk puas sama yang sama.
Kesemuanya mempunyai MRS_{XY} malar.



10. Andaikan bahawa harga barangan X adalah lebih tinggi dari harga barangan Y. Maka dalam keseimbangan pengguna, _____.

- a. jumlah utiliti yang dinikmati dari penggunaan kedua-dua barangan X & Y mesti berkurang
- b. utiliti marginal barangan X adalah lebih besar dari utiliti marginal barangan Y
- c. utiliti marginal barangan X adalah sama dengan utiliti marginal barangan Y
- d. utiliti marginal barangan Y adalah lebih besar dari utiliti marginal barangan X
- e. sebarang jawapan di atas boleh diterima; tertakluk kepada situasi ekonomi yang berkenaan

mks
33 & 35

$$\frac{MU_X}{MU_Y} = \frac{P_X}{P_Y} \quad P_X > P_Y$$

11. Pada harga asal P_1 , Q_1 10 unit barangan X dijual, manakala pada harga P_2 , Q_2 8 unit dijual. Maka keanjalan permintaan harga bagi barangan X adalah _____.

a. 2

b. 1.25

c. 3/4

d. 1

e. 1/4

a. Keanjalan permintaan harga (E_D) - mengukur perubahan dalam kuantiti diminta akibat dari perubahan harga

mks 6

$$|E_D| = \frac{\% \Delta \text{ Kuantiti diminta}}{\% \Delta \text{ Harga}}$$

$$= \frac{\Delta \text{ Kuantiti diminta}}{\Delta \text{ Harga}} \times \frac{\text{Harga asal}}{\text{Kuantiti diminta asal}}$$


$$= \frac{Q_2 - Q_1}{P_2 - P_1} \times \frac{P_1 + P_2}{Q_1 + Q_2}$$

$$= \frac{8 - 10}{125 - 100} \times \frac{100 + 125}{10 + 8}$$

$$= \frac{-2}{25} \times \frac{225}{18}$$

$$= -1$$


12. Fungsi pengeluaran yang mewakili peta isokuan di bawah merujuk kepada _____.



- a. pulangan bertambah ikut skala untuk kapital.
- b. pulangan bertambah ikut skala untuk buruh.
- c. pulangan berkurangan ikut skala untuk kapital.
- d. pulangan berkurangan ikut skala untuk buruh.**
- e. pulangan malar ikut skala untuk buruh.

13. Katakan cukai GST (Goods and Services Tax) di Malaysia telah diturunkan dari 6% ke 5% berkuatkuasa 1 Disember, 2016. Dua barangan yang dinilai adalah makanan asas (yang mana tiada GST dikenakan) dan komposit barangan lain yang mana GST perlu dibayar. Jika diletakkan makanan asas pada paksi menegak dan barangan lain pada paksi mendatar, maka perubahan kadar cukai ini _____.

- a. mengalihkan garisan belanjawan keluar
- b. mengalihkan garisan belanjawan masuk
- c. memutarakan garisan belanjawan keluar dan menyebabkan kecerunannya menjadi lebih landai tanpa mengubahkan pintasan pada paksi menegak
- d. memutarakan garisan belanjawan masuk dan menyebabkan kecerunannya menjadi lebih curam tanpa mengubahkan pintasan pada paksi menegak
- e. memutarakan garisan belanjawan masuk dan menyebabkan kecerunannya menjadi lebih landai tanpa mengubahkan pintasan pada paksi mendatar




mks
32

14. Keluk puas sama yang mempunyai kecerunan negatif tetapi hampir mendatar menunjukkan bahawa pengguna _____.

- a. tidak gemar barangan yang terletak di paksi menegak.
- b. tidak gemar barangan yang terletak di paksi mendatar.
- c. lebih gemar barangan yang terletak di paksi menegak.
- d. lebih gemar barangan yang terletak di paksi mendatar.

mks 138,
soalan 8

Hanya sudi korbankan sedikit Y tetapi mesti diberi pampasan banyak X. Justeru, lebih gemar barang Y



15. Dalam teori pilihan pengguna, aksiom kebolehbandingan menyatakan bahawa apabila pengguna diberi pilihan di antara longgok barangan, _____.
- jika longgok x diutamakan dari longgok y dan longgok y diutamakan dari longgok z , maka longgok x diutamakan dari longgok z .
 - pengguna boleh membuat keputusan longgok yang mana diutamakan, ataupun kedua-dua longgok memberi kepuasan yang sama.
 - pengguna akan menggunakan barangan tersebut sehingga pendapatan dihabiskan.
 - pengguna akan menggunakan seberapa banyak barangan yang boleh.

mks
10

1. Aksiom Kebolehbandingan

- Pengguna Mempunyai Satu Set Keutamaan Yang Boleh Dibandingkan

Diandaikan cita rasa pengguna boleh membandingkan kombinasi-kombinasi barangan alternatif.

Apabila pengguna terpaksa membuat pilihan, beliau boleh membuat keputusan tentang barang yang memberi kepuasan yang sama dan yang lebih diutamakan.

Jika **A & B adalah dua longgok barangan yang berbeza**, maka, para pengguna boleh membuat salah satu kesimpulan berikut:

16. Jika fungsi utiliti Annie untuk dua barangan biasa: epal (E) dan jambu (J), adalah $5 \times E \times J$, maka longkok yang manakah yang akan memberi kepuasan yang sama dengan longkok yang mempunyai 1 epal dan 10 jambu?

a. 0 epal dan 11 jambu.

b. 2 epal dan 9 jambu.

c. 3 epal dan 7 jambu.

d. 2 epal dan 5 jambu.

$$U = 5 \times E \times J$$

50	1	10
	0	11
	2	9
	3	7
	2	5

17. Resepi Chef Wan menyatakan bahawa untuk menyediakan Kek ZoomZoom (yang hanya memerlukan dua jenis ramuan), setiap dua sudu teh gula mesti dicampur dengan lima gram tepung biasa. Oleh demikian, isokuan Kek ZoomZoom _____.

- a. mencerun ke bawah dengan kecerunan yang tetap.
- b. bersudut tepat dengan titik pertemuan menghalu ke arah pusat kordinat.
- c. mencembung ke arah pusat kordinat dengan kecerunan yang berbeza.
- d. mencekung ke arah pusat kordinat dengan kecerunan yang berbeza.


mks
63

3. Input yang **tiada penggantian** (Input digunakan dalam **nisbah tetap**)



Kedua-dua input buruh & traktor adalah **faktor-faktor penghad**, kerana output tertakluk kepada input-input tersebut.

Faktor-faktor mempunyai daya pengeluaran **kosong** jika ianya ditambahkan tanpa tambahan dalam faktor yang satu lagi.



X_1 & X_2 adalah input-input penghad/penggenap


Rajah 8: Isokuan Kadar Penggantian Marginal Teknikal Bernisbah Tetap

18. Isokuan yang mempunyai kadar penggantian marginal teknikal input yang berkurangan mencerminkan _____.

- a. keanjalan penggantian faktor sifar ($E_F = 0$)
- b. penggunaan input penghad
- c. penggunaan input secara nisbah tetap
- d. penggantian input yang sempurna
- e. penggantian input yang tidak sempurna

mks
61

1. Kadar penggantian marginal teknikal input **berkurangan** (Input Pengganti **Tidak Sempurna**)



$$\underline{MRTS^A > MRTS^B > MRTS^C}$$

Rajah 7: Isokuan Kadar Penggantian Marginal Teknikal Input Berkurangan

19. Industri pengeluaran pokok bonsai memerlukan dua jenis baja penggenap, iaitu Sodium Nitrat dan Mucus Lumus. Jika harga baja Sodium Nitrat naik sebanyak RM2.00 setiap kilogram, *ceteris paribus*, maka _____.

- a. penggantian akan berlaku dari Sodium Nitrat ke Mucus Lumus.
- b. penggantian akan berlaku dari Mucus Lumus ke Sodium Nitrat.
- c. jumlah kos pengeluaran akan bertambah.
- d. Kedua-dua jawapan (a) dan (c) adalah betul.


mks
63

3. Input yang **tiada penggantian** (Input digunakan dalam **nisbah tetap**)



Kedua-dua input buruh & traktor adalah **faktor-faktor penghad**, kerana output tertakluk kepada input-input tersebut.

Faktor-faktor mempunyai daya pengeluaran **kosong** jika ianya ditambahkan tanpa tambahan dalam faktor yang satu lagi.



X_1 & X_2 adalah
input-input
penghad/penggenap

Rajah 8: Isokuan Kadar Penggantian Marginal Teknikal Bernisbah Tetap

20. Jika keanjalan pendapatan sesuatu barangan adalah _____, pakar ekonomi akan menyifatkan barangan tersebut sebagai barang _____.

- a. 2.46; mesti
- b. 0.37; mewah
- c. -0.50; inferior
- d. -0.50; pengganti
- e. -1.00; biasa

mks 8


$$E_i = \frac{\% \Delta \text{ Kuantiti diminta}}{\% \Delta \text{ Pendapatan}} = \frac{Q_2 - Q_1}{I_2 - I_1} \times \frac{I_1 + I_2}{Q_1 + Q_2}$$


- E_i {
- < 0 Keanjalan pendapatan negatif (barangan inferior)
(Pendapatan ↑ DD ↓ atau Pendapatan ↓ DD ↑)
(Peningkatan pendapatan mengakibatkan kejatuhan permintaan dan mungkin menyebabkan perubahan ke arah barangan pengganti yang lebih mewah)
 - > 0 Keanjalan pendapatan positif (barangan biasa)
(Pendapatan ↑ DD ↑ atau Pendapatan ↓ DD ↓)
0 < E_i < 1 Barangan mesti (contoh: makanan)
(perbelanjaan terhadap barangan ini bertambah kurang dari pendapatan)
 E_i > 1 Barangan mewah (contoh: BMW)
(perbelanjaan terhadap barangan ini bertambah lebih dari pendapatan)

21. Pendapatan Syed adalah RM60.00. Sesuatu kombinasi di antara petrol dan kopi di sepanjang salah satu keluk puas sama Syed menunjukkan kombinasi yang _____.


- a. memerlukan perbelanjaan yang sama
- b. beliau mampu beli dengan pendapatan RM60.00
- c. akan memaksimakan kepuasannya
- d. memberikan utiliti marginal yang sama
- e. memberikan jumlah utiliti yang sama

mks
23





mks
49



22. Di antara titik 0 dan A _____.


- a. MP buruh sedang jatuh
- b. AP buruh sedang meningkat
- c. MP adalah negatif
- d. MP mencapai tahap minimum

23. Di antara titik B dan C _____.

- a. MP mencapai tahap maksimum.
- b. AP sedang meningkat dan mencapai tahap maksimum pada C.
- c. TP menurun.
- d. MP menurun.

24. Hukum pulangan marginal berkurangan bermula dari titik _____.

- a. A
- b. B
- c. C
- d. D



mks
49

22. Di antara titik 0 dan A _____.


- a. MP buruh sedang jatuh
- b. AP buruh sedang meningkat
- c. MP adalah negatif
- d. MP mencapai tahap minimum

23. Di antara titik B dan C _____.

- a. MP mencapai tahap maksimum.
- b. AP sedang meningkat dan mencapai tahap maksimum pada C.
- c. TP menurun.
- d. MP menurun.

24. Hukum pulangan marginal berkurangan bermula dari titik _____.

- a. A
- b. B
- c. C
- d. D



mks
49

22. Di antara titik 0 dan A _____.

- a. MP buruh sedang jatuh
- b. AP buruh sedang meningkat
- c. MP adalah negatif
- d. MP mencapai tahap minimum

23. Di antara titik B dan C _____.

- a. MP mencapai tahap maksimum.
- b. AP sedang meningkat dan mencapai tahap maksimum pada C.
- c. TP menurun.
- d. MP menurun.

24. Hukum pulangan marginal berkurangan bermula dari titik _____.

- a. A
- b. B
- c. C
- d. D